Dilampirkan [artikel](#) bertajuk "UNIVERSITI PERLU FOKUS PROMOSI KAMPUS HIJAU DAN LESTARI" untuk dipertimbangkan bagi tujuan penerbitan dalam akhbar Berita Harian.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**Sr Dr. Irwan Mohammad Ali, (MRISM)**

Coordinator  
Industrial, Community & Alumni Network  
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,  
Seri Iskandar Campus, 32610  
Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA  
Tel: +605 3742363  
H/P: +6013 8598269

[Google Scholar](#)  
[My CV](#)

## Utama promosi kampus hijau, lestari

Oleh Dr Irwan Mohammad Ali dan Dr Nur Azfahani Ahmad - Mei 19, 2021 @ 12:00pm  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



Rabu, 19 Mei 2021

Komentar

11

## Utama promosi kampus hijau, lestari

Oleh Dr Irwan Mohammad Ali dan Dr Nur Azfahani Ahmad  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

Kampus hijau adalah sinergi kepada amalan mesra alam dan pendidikan untuk mempromosikan amalan lestari serta mesra alam dalam universiti.

Konsep ini memberi peluang kepada warga kampus untuk melaksanakan dan mentakrifkan semula budaya persekitaran lestari. Selain itu, kampus hijau membawa maksud universiti aktif menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lestari.

Justeru, kampus hijau memberi sumbangan yang penting meliputi pendidikan, penyelidikan, kolaborasi setempat dan pembangunan fizikal kampus.

Kelestarian kampus tidak hanya tertumpu kepada impak persekitaran yang rendah semata-mata. Malahan kampus hijau memberi impak secara praktikal dan pelbagai arah bagi mendukung kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Matlamat ini memerlukan tindakan yang terancang mengatasi cetusan idea bersifat retorik semata-mata. Oleh itu, sokongan padu daripada pihak

pengurusan universiti sangat diperlukan dalam usaha menggapai impian ini.

Sebagai contoh, Universiti Teknologi MARA (UTM) Cawangan Perak aktif sejak 2016 dalam mempromosikan kampus hijau. Antara kegiatan berturusan dilaksanakan seperti menganjurkan konsyen bertaraf antarabangsa yang memberikan fokus kepada amalan kampus hijau.

Walaupun dalam situasi pandemik, ia bukan halangan dalam meneruskan agenda kelestarian ini. Aktiviti kampus hijau dirancang dan dilaksanakan secara hibrid dengan gabungan program secara dalam talian dan juga beberapa bengkel fizikal.

Objektif utamanya adalah untuk menggerakkan inisiatif amalan lestari untuk kesejahteraan dan kemakmuran warga kampus.

Antara aktiviti kampus hijau yang digarap adalah seperti perkongsian pengalaman berkaitan amalan hijau dan lestari, konsep reka bentuk bangunan hijau, usaha pertanian moden, amalan kitar semula berasaskan 3R iaitu *reduce* (kurangkan), *reuse* (guna semula) dan *recycle* (kitar semula), serta perkongsian konsep kelestarian alam sekitar me-

urut perspektif Islam.

Program kampus hijau dan lestari seperti ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan percambahan idea segar dalam kalangan akademia, warga kampus dan masyarakat setempat.

Usaha ini juga sebagai langkah untuk mendapatkan kedudukan terbaik dalam penarafan antarabangsa universiti hijau yang dikenali sebagai UI Green Metric (UIGM).

UIGM adalah suatu sistem penarafan yang dibuat secara tahunan dengan menumpukan keadaan dan dasar semasa berkaitan kampus hijau dan kelestarian di universiti di seluruh dunia.

Secara global, impaknya mampu menghasilkan pelbagai inisiatif baharu dan usaha berterusan mengurangkan pelepasan gas karbon serta kenusuhan alam sekitar pada masa hadapan.

**Dr Irwan Mohammad** adalah Koordinator Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, Universiti Teknologi MARA (UTM) Perak, manakala **Dr Nur Azfahani** adalah Penyelaras Jawatankuasa Kampus Hijau UTM Perak

PANDUAN MENULIS ARTIKEL DALAM AKHBAR: TIP RINGKAS DAN BERKESAN

# PENGHANTARAN & PENERBITAN ARTIKEL RENCANA

Bijak urus, tangani kelesuan ketika bekerja dari rumah

Berita Harian: 19 Julai 2021 (submitted 18 Julai 2021; 1 day)

Ad Value : RM 15,756

PR Value : RM 47,268

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/07/840955/bijak-urus-tangani-kelesuan-ketika-bekerja-dari-rumah>

## ARTIKEL RENCANA: TANGANI KELESUAN BEKERJA DARI RUMAH DENGAN BIJAK



**SR. DR. IRWAN MOHAMMAD ALI** <irw...> Sun, Jul 18, 2021, 1:56 AM  
to bhrencana, bhnews

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Dilampirkan **artikel** bertajuk "TANGANI KELESUAN BEKERJA DARI RUMAH DENGAN BIJAK" untuk dipertimbangkan bagi tujuan penerbitan dalam ruangan Rencana Berita Harian.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**Sr Dr. Irwan Mohammad Ali, (MRISM)**

Coordinator  
Industrial, Community & Alumni Network  
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,  
Seri Iskandar Campus, 32610  
Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA  
Tel: +605 3742363  
H/P: +6013 8598269

[UITM Expert](#) | [Google Scholar](#) | [My CV](#)



Isnin, 19 Julai 2021

### Komentar

## Bijak urus, tangani kelesuan ketika bekerja dari rumah



Oleh Dr Irwan Mohammad Ali  
bhrencana@bh.com.my

**Konsep** bekerja dari rumah (BDR) mewujudkan suatu budaya dan rutin baharu dalam kehidupan seharian. Ia menuntut pekerja sentiasa aktif melaksanakan tugas, walaupun di luar waktu bekerja sebenar.

Bebanan tugas kerja, aktiviti istiadat di rumah, penantuan aktiviti pembelajaran dan pengajaran dari rumah (MPR) anak serta perkembangan semasa pandemik COVID-19 mewujudkan kitaran kelesuan BDR yang tidak pernah dialami. Itu bagi kumpulan pekerja paling terkesan dan 'menderita' dengan kelesuan BDR kerana terperangkap antara tugas kerja dan kehidupan peribadi.

Anak-anak yang menjalani PMPR akibat penutupan sekolah sangat bergantung sokongan ibu bapa. Pada masa sama, bebanan kerja harian diberikan juga ada kalanya sukar dikawal.

Interaksi secara maya memerlukan mereka sentiasa bersedia dengan komputer, telefon pintar dan peranti elektronik untuk kekal berhubung.

Sejajurnya, jadual padat ini melelahkan dan meletihkan mereka. Kenyataan harus diterima ramai yang menjalani BDR turut merasakan hal sama. Justeru, semua pihak perlu memutuskan kitaran kelesuan BDR dengan memberikan fokus kepada kesihatan dan kesejahteraan bersama, tanpa menjejaskan kualiti kerja.

Berikut beberapa perkara boleh dipertimbangkan untuk mearangkan kelesuan BDR:

Pertama, kurangkan persidangan video. Mengada-

kan sidang video yang panjang dan kerap akan menyebabkan fokus BDR terganggu. Kita tidak dapat menjangkakan 'huru-hara' atau kekalutan yang berlaku di sebalik kamera yang tertutup itu.

Kedua, urus jadual harian. Melaksanakan pelbagai tugas serentak mempercepatkan kelesuan. Justeru, perancangan rapi perlu dibuat sepanjang BDR.

Ketiga, rehat mikro. Berehatlah seketika dengan mengambil ulara segar, mehuruskan badan dan merenggangkan otot. Langkah ini dapat merehatkan minda dan mengembalikan fokus.

Keempat, tidur yang mencukupi. Seperti rutin kerja normal, BDR juga memerlukan tidur yang mencukupi. Tidur berkualiti akan memberikan ke-segaran minda dan badan keesokan hari.

Kelima, kekal berhubung dengan rakan sepejabat supaya tugas harian dapat dilaksanakan lebih berkesan.

Keenam, manfaatkan BDR dengan meluangkan masa berkualiti bersama keluarga, tanpa menjejaskan kualiti kerja.

Ketujuh, pilih tempat kerja yang sesuai dan kurangi gangguan untuk melaksanakan tugas harian. Gangguan tetap akan berlaku, namun perlu diturus dengan bijak.

Kelapan, tingkat kerohanian dan kekal positif. Semua pihak perlu berfikir positif dalam menghadapi situasi mencabar ini. Fikiran positif seharusnya dimulakan dengan meningkatkan amalan kerohanian.

Kesimpulannya, BDR dalam tempoh pandemik perlu dijalani dengan bijak bagi mengelakkan kelesuan melanda. Usaha terburu-buru dan terbawa emosi melaksanakan tugas diberikan.

Hadapihlah dengan senyuman dan penuh kesyukuran kerana suatu masa nanti pasti kita semua merindui suasananya ini.



Bekerja dari rumah memerlukan pengurusan masa dan kesabaran yang tinggi bagi mengelak tekanan. - Foto hiasan

## Bijak urus, tangani kelesuan ketika bekerja dari rumah

Oleh Dr Irwan Mohammad Ali - Julai 19, 2021 @ 11:01am  
bhrencana@bh.com.my



ukan pengurusan masa dan kesabaran yang tinggi bagi mengelak tekanan. - Foto hiasan/BERNAMA

PANDUAN MENULIS ARTIKEL DALAM AKHBAR: TIP RINGKAS DAN BERKESAN



# PENGHANTARAN & PENERBITAN ARTIKEL RENCANA

Kaji semula keputusan buka sekolah untuk PdP bersemuka  
Berita Harian: 6 September 2021 (submitted 17 Ogos 2021; 20 days)  
Ad Value : RM 15,629  
PR Value : RM 46,887  
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/09/860389/kaji-semula-keputusan-buka-sekolah-untuk-pdp-bersemuka>

## Kaji semula keputusan buka sekolah untuk PdP bersemuka

Oleh Mohd Nurfaizal Baharuddin dan Dr Irwan Mohammad Ali - September 6, 2021 @ 11:00am  
[bhrencana@bhcom.my](mailto:bhrencana@bhcom.my)



persekolahan secara bersemuka perlu dikaji semula elak beri kesan lebih buruk.

### ARTIKEL RENCANA: USAH TERGESA-GESA MEMULAKAN SESI PERSEKOLAHAN BERSEMUKA



SR. DR. IRWAN MOHAMMAD ALI <i...> Tue, Aug 17, 2021, 12:58 PM ☆ ←  
to bhrencana, bhnews, MOHD ▾

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Dilampirkan [artikel](#) bertajuk "USAH TERGESA-GESA MEMULAKAN SESI PERSEKOLAHAN BERSEMUKA" untuk dipertimbangkan bagi tujuan penerbitan dalam ruangan Rencana akhbar Berita Harian.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**Sr Dr. Irwan Mohammad Ali, (MRISM)**

Coordinator

Industrial, Community & Alumni Network

Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,

Seri Iskandar Campus, 32610

Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

Tel: +605 3742363

H/P: +6013 8598269

[UiTM Expert](#) | [Google Scholar](#) | [My CV](#)

**Komentar**

## Kaji semula keputusan buka sekolah untuk PdP bersemuka

Oleh Mohd Nurfaizal Baharuddin dan Dr Irwan Mohammad Ali  
[bhrencana@bhcom.my](mailto:bhrencana@bhcom.my)

**Pemakluman** kaedah pengoperasian sekolah oleh Menteri Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, menarik perhatian ramai pihak khususnya warga pendidik, ibu bapa, penaja serta murid sendiri. Pengoperasian Sektor Pendidikan membabitkan sekolah rendah dan menengah ini memperincikan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan mengambil kira statistik terkini penularan COVID-19 di Malaysia. Perincian kaedah PdP secara bersemuka diadakan Kementerian Pendidikan (KPM) bermula 3 Oktober depan, dikhususkan kepada negeri berstatus Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Ya memberi ketulusan kepada murid yang akan menghadapi peperiksaan utama seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Bagi Fasa Tiga PPN, sesi persekolahan hanya dibuka berperingkat bagi mengatasi masalah PdP di rumah (PdPR) seperti capaian internet rendah dan peranti berkaltas.

Namun, data Pusat Keselamatan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) menunjukkan jangkitan kes COVID-19 masih tinggi, begitu juga angka kematian harian. Kadar kebolehjangkitan (R-naught) semasa juga turut mengundang kegunaan rautai.

Sudah tentu, data ini antara kriteria utama KPM dalam memutuskan kebenaran PdP secara bersemuka di sekolah. Ketika ini juga, Program Inisiatif COVID-19 Kebangsaan (PICCK) berjalan lancar dan mencatatkan angka penerima vaksin yang sangat memberangsangkan.

Apa pun, keseimbangan penularan tetap ada selagi tahap imuniti kelompok belum dicapai sepenuhnya. Sasaran sekurang-kurangnya 85 peratus populasi penduduk negara mendapatkan suntikan vaksin belum tercapai.

Justeru, keputusan mengoperasikan semula sekolah secara bersemuka harus dikaji semula berdasarkan empat faktor utama.

Pertama, kadar kebolehjangkitan COVID-19. Pada 10 Mac lalu, kadar kebolehjangkitan berjaya diturunkan susulan langkah positif tindakan kerajaan serta pematuan prosedur operasi standard (SOP) dalam kalangan rakyat ketika itu. Justeru, unjuran nilai R-naught amat signifikan untuk dijadikan panduan bagi membendung penularan lebih parah.

Kedua, jangkitan varian baharu seperti Alpha, Beta dan Delta yang lebih menganas di lokasi, Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati kadar jangkitan membabitkan varian Delta paling dominan di negara ini dengan kadar kebolehjangkitan lebih tinggi, sekali gauda berbanding varian terdahulu yang melanda negara.

Ketiga, kadar vaksinasi ekosistem pendidikan di sekolah dan komuniti. Kadar vaksinasi ekosistem pendidikan di setiap lokaliti hendaklah sekurang-kurangnya mencapai tahap imuniti kelompok berserta penilaian risiko oleh KKM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Keempat, penelitian semula SOP sekolah dalam norma baharu 2.0. Dengan mengambil kira pentaratan varian baharu semakin menganas, garis panduan sedia ada dikeluarkan KPM sebelum ini hendaklah dikaji semula dan ditambah baik.

Kesimpulannya, pengoperasian persekolahan secara bersemuka hendaklah dikaji dan diteliti secara holistik semua pihak berkepentingan dalam mengawal penularan wabak COVID-19 ini.

Dengan mengambil kira tempoh sesi persekolahan bagi sesi 2021 hanya beraki 10 minggu, sebarang keputusan diambil hendaklah bersandarkan keselamatan anak dan warga pendidik khususnya.

Sesuai peribahasa Melayu, 'liar merangkak, jangan menjalar', yang bermaksud sebelum kemeleatan itu menjadi besar, lebih baik menghindarkannya dan tidak tergesa-gesa.


persekolahan secara bersemuka perlu dikaji semula elak beri kesan lebih buruk. (Foto bharian)

PANDUAN MENULIS ARTIKEL DALAM AKHBAR: TIP RINGKAS DAN BERKESAN

# PENGHANTARAN & PENERBITAN ARTIKEL RENCANA

Manfaat pendigitalan lonjak pengurusan fasiliti  
Berita Harian: 5 Oktober 2021 (submitted 29 September 2021; 8 days)  
Ad Value : RM 9,470  
PR Value : RM 28,410  
<https://www.klik.com.my/item/story/20405198/manfaat-pendigitalan-lonjak-pengurusan-fasiliti>

**ARTIKEL RENCANA: RMK-12 LONJAK PENDIGITALAN PENGURUSAN FASILITI MAMPAN**

 **SR. DR. IRWAN MOHAMMAD ALI** <irwan... Wed, Sep 29, 2021, 2:12 AM  
to bhrencana, bhnews

Assalamualaikum wbt.dan Salam Sejahtera,

Dilampirkan **artikel** bertajuk "RMK-12 LONJAK PENDIGITALAN PENGURUSAN FASILITI MAMPAN" untuk dipertimbangkan bagi tujuan penerbitan dalam ruangan Rencana akhbar Berita Harian.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**Sr Dr. Irwan Mohammad Ali, (MRISM)**  
Coordinator  
Industrial, Community & Alumni Network  
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,  
Seri Iskandar Campus, 32610  
Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA  
Tel: +605 3742363  
H/P: +6013 8598269

[UiTM Expert](#) | [Google Scholar](#) | [My\\_CV](#)

Selasa, 5 Oktober 2021

**Komentar**

## Manfaat pendigitalan lonjak pengurusan fasiliti

  
Koordinator Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak

**Oleh Dr Irwan Mohammad Ali**  
bhrencana@bh.com.my

**Inti** pati Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang bertemakan 'Malaysia Makmur, Inklusif, Mapan' sudah pun dibentangkan di Parlimen pada 27 September lalu.

Sudah pasti kejayaan pelaksanaan RMK-12 ini memerlukan komitmen daripada semua pihak atas semangat Keluarga Malaysia.

Justeru, tunjang utama RMK-12 adalah berdasarkan kepada tiga tema utama, empat pemangkin dasar, dan 14 pamacu perubahan Malaysia pasca pandemik COVID-19.

Tema utama RMK-12 memberikan fokus kepada menjana semula ekonomi di semua sektor. Yang kedua, memperkukuhkan keselamatan, kesejahteraan dan inklusif yang mencakupi segenap penjuru negara. Ketiga, melonjakkan kemampuan ekonomi kitaran, pengurusan sumber air, pertumbuhan hijau, dan kecekapan tenaga.

Penjajaran RMK-12 kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) di bawah Agenda 2030 jelas menekankan prinsip inklusif.

Berdasarkan kepada tiga tema utama RMK-12 ini, terdapat potensi besar yang mampu melonjakkan bidang pengurusan fasiliti.

Sebagai contoh pembangunan bakat masa hadapan akan diteruskan dengan menambah baik ekosistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

Penambahbaikan sudah pasti akan memberikan tumpuan kepada ketersambungan pendigitalan fungsi sedia ada dalam semua bidang.

Pemangkin dasar ini bertepatan dengan usaha pemain industri pengurusan fasiliti yang sedang mengalami transformasi ke arah pendigitalan.

Diharapkan langkah ini akan melonjakkan pendigitalan dan aplikasi teknologi termaju dalam pengurusan fasiliti.

Pendigitalan pengurusan fasiliti akan memacu kepada membuat keputusan berdasarkan data analitik masa nyata dalam penyampaian perkhidmatan.

Jelas, ini akan meningkatkan kecekapan operasi pengurusan fasiliti dan menambah nilai perkhid-

matan dan pengurusan belanjawan.

Penggiat industri pengurusan fasiliti tidak boleh berlegh lagi kerana pendigitalan ekonomi antara matlamat utama kerajaan dalam menghadapi perubahan semasa.

Justeru, pembedayaan penerimaan teknologi dan inovasi yang baharu mampu mengarusperdanakan pendigitalan pengurusan fasiliti.

RMK-12 kali ini juga memberikan sinar harapan kepada pelbagai bentuk penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan inovasi ke arah kemampuan menyeluruh dalam pengurusan fasiliti.

Sudah pasti agenda kemampuan menyeluruh untuk semua juga dapat dicapai melalui pendigitalan pengurusan fasiliti ini.

Besar harapan supaya setiap pemain industri dapat mengambil peluang dan manfaat daripada inti pati RMK-12 ini supaya dapat melonjakkan pendigitalan pengurusan fasiliti dengan lebih mampan.

Kesimpulannya, pengurusan fasiliti mesti memanfaatkan pendigitalan, penerima gunaan teknologi tinggi dan baharu, dalam usaha memacu negara mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), selain inklusif dan mampan.



# PENGHANTARAN & PENERBITAN ARTIKEL RENCANA

Kenal pasti kecacatan, kerosakan rumah dalam tempoh tanggungan  
Berita Harian: 25 Oktober 2021 (submitted 23 Oktober 2021; 2 days)  
Ad Value : RM 17,583  
PR Value : RM 52,749  
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/10/879769/kenal-pasti-kecacatan-kerosakan-rumah-dalam-tempoh-tanggungan>

## Kenal pasti kecacatan, kerosakan rumah dalam tempoh tanggungan

Oleh Dr Irwan Mohammad Ali - Oktober 25, 2021 @ 11:16am  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



milik perlu mengenal pasti kecacatan rumah baharu sebelum tempoh DLP tamat. - Foto hiasan

**ARTIKEL:** Wujudkan rumah habitat mampan, berdaya huni, dan berkualiti



**SR. DR. IRWAN MOHAMMAD ALI** <ir...> Sat, Oct 23, 2021, 11:30 PM  
to bhnews, bhrencana ▾

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Dilampirkan **artikel** bertajuk "Wujudkan rumah habitat mampan, berdaya huni, dan berkualiti" untuk dipertimbangkan bagi tujuan penerbitan dalam ruangan Rencana akhbar Berita Harian.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**Sr Dr. Irwan Mohammad Ali, (MRISM)**

Coordinator  
Industrial, Community & Alumni Network  
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,  
Seri Iskandar Campus, 32610  
Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA  
Tel: +605 3742363  
H/P: +6013 8598269

[UiTM Expert](#) | [Google Scholar](#) | [My CV](#)

11

### Komentar

## Kenal pasti kecacatan, kerosakan rumah dalam tempoh tanggungan

Oleh Dr Irwan Mohammad Ali  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



**Industri** perumahan di negara ini berkembang sangat pantas, sekali gus menjadi sebahagian tujuan utama pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Usaha berterusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui lima fasa utama transformasi dasar perumahan negara. Lima fasa itu menurus kepada menepati situasi semasa negara bermula Perumahan Awal Kewujudan 1957 hingga 1970, Perumahan untuk Mengatasi Masalah Kemiskinan (1970-1985), Perumahan Berfokuskan Pasaran (1986-1997), Perumahan untuk Menghapuskan Setinggan (1998-2011) dan Perumahan Mampu Milik (2012-2017). Terakhir, Dasar Perumahan Negara (2018-2025) memberikan fokus kepada memahami arah dan memacu sektor perumahan negara dalam memulus habitus mampan, berdaya huni, berkualiti dan inklusif untuk dimiliki. Pastiya dasar ini akan sentiasa dijadikan panduan oleh agensi berkaitan di peringkat Persekutuan, negeri, kerajaan tempatan dan swasta. Antara dasar diberikan penekanan ialah penyediaan dan pengurusan perumahan berkualiti mampu dimiliki rakyat secara keseluruhannya. Selapas membuka peluang penilikan rumah kepada rakyat, menjadi tanggungjawab setiap pemilik untuk memastikannya dalam keadaan baik dan sempurna mengikut spesifikasi dipersetujui. Penilikan rumah di peringkat awal memerlukan perhatian serius dengan meneliti segala bentuk penahanan spesifikasi dalam perjanjian dan senarai kecacatan rumah. Spesifikasi tidak tepat seperti dalam perjanjian dan kewujudan kecacatan rumah yang nyata boleh menjejaskan keterujaan penilikan rumah. Justeru, pemeriksaan rumah selapas proses pe-

milik sah berlaku menjadi kemestian perlu dibudayakan. Ia bertujuan mengenal pasti sebarang isu berkaitan spesifikasi dan kecacatan rumah dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP). Umumnya dalam tempoh DLP segala kecacatan rumah dikenal pasti adalah dalam tanggungan penaja seperti dinyatakan dalam perjanjian penilikan rumah dengan tempoh minimum tanggungan selama 18 bulan hingga maksimum 24 bulan. Kegagalan penilik mengenal pasti kecacatan rumah akan mengundang masalah lebih besar selapas tempoh DLP tamat. Rumah penilik rumah tidak menyadari akan kewujudan dan manfaat DLP. Amat malang sekali, perkara ini hanya disadari selapas tempoh DLP berakhir. Secara umumnya, setiap penilik rumah boleh menjalankan pemeriksaan terhadap penatuaan spesifikasi dan kecacatan rumah berlaku dengan mudah. Bagaimanapun, faktor kurang pengetahuan dan bukan daripada latar belakang bidang alam bina akan menyukakan kerja pemeriksaan dan penilaian dilakukan semparas. Sebagai alternatif, khidmat kopakoran jurukur bangunan bertulis dan berpengalaman akan dapat meringankan kerumangan penilik rumah. Ini

kerana pemeriksaan dan penilaian menyeluruh dapat dilaksanakan secara profesional dan terperinci. Penilik rumah boleh mendapatkan khidmat pakar jurukur bangunan berdaftar dengan Pertubuhan Jurukur Diraja Malaysia (OJSM) dan Persatuan Jurukur Bangunan Berdaftar Malaysia (MyJRS) untuk menjalankan pemeriksaan rumah. Salah satu kopakoran jurukur bangunan melihat kecacatan tersenbunyi dan dari sudut sukar pandangan mata kasar akan memberikan kelebihan serta kemudahan kepada penilik rumah. Hasilnya, penilik rumah akan dibekalkan laporan kecacatan rumah untuk dijadikan rujukan utama dalam membuat tuntutan pembaikan kecacatan kepada penaja (sekiranya dalam tempoh DLP) atau merancang kerja pembaikan sendiri (selepas DLP tamat). Laporan pemeriksaan kecacatan rumah juga boleh dijadikan rujukan penilik rumah pada masa hadapan sekiranya berlaku kerosakan di luar jangka atau tuntutan berkaitan kualiti rumah. Selain khidmat profesional jurukur bangunan, pihak kerajaan melalui KPKT membekalkan Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) bagi melindungi hak penilik rumah. TPPS merangkumi Tribunal Tuntutan Pembieli Rumah (TPPR) dan Tribunal Pengurusan Strata (TPS), berfungsi kepada tuntutan dilakukan pembieli rumah terhadap penaja perumahan berdasarkan perjanjian jual beli di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja. Jenis tuntutan teknikal boleh difailkan umumnya menabikatkan pelan rumah, pematthan spesifikasi, kecacatan amsa kerja dan binaan biasa. manakala tuntutan bukan teknikal pula merangkumi kelemahan penyerahan milikan kosong, pemulangan deposit serta tuntutan berkawangki seperti termasuk dalam perjanjian jual beli. Realitinya, rumah aset penting perlu dijaga bermula dari hari pertama penilikannya. Rumah ideal mampu berfungsi sebagai habitat mampan, berdaya huni, dan berkualiti. Kecuaan dalam menguruskannya akan meningkatkan kos operasi serta pengbyggaraannya.



Penilik perlu mengenal pasti kecacatan rumah baharu sebelum tempoh DLP tamat. (Foto hiasan)

PANDUAN MENULIS ARTIKEL DALAM AKHBAR: TIP RINGKAS DAN BERKESAN

# PENGHANTARAN & PENERBITAN ARTIKEL RENCANA

Kenal pasti kerosakan bangunan akibat banjir sebelum baik pulih  
Berita Harian: 11 Januari 2022 (submitted 9 Januari 2022; 2 days)  
Ad Value : RM 16,887  
PR Value : RM 50,661  
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/01/910131/kenal-pasti-kerosakan-bangunan-akibat-banjir-sebelum-baik-pulih>

## Kenal pasti kerosakan bangunan akibat banjir sebelum baik pulih

Oleh Dr Irwan Mohammad Ali - Januari 11, 2022 @ 10:45am  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



bangunan akibat banjir perlu dinilai secara cermat.

### ARTIKEL: NILAI PRESTASI SEMASA BANGUNAN PASCA BANJIR MELALUI PEMERIKSAAN VISUAL



SR. DR. IRWAN MOHAMMAD ALI <irwan94...> Sun, Jan 9, 10:02 AM  
to bhnews, bhrencana

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Dilampirkan [artikel](#) bertajuk "NILAI PRESTASI SEMASA BANGUNAN PASCA BANJIR MELALUI PEMERIKSAAN VISUAL" untuk dipertimbangkan bagi tujuan penerbitan dalam ruangan Rencana akhbar Berita Harian.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**Sr Dr. Irwan Mohammad Ali, (MRISM)**

Coordinator

Industrial, Community & Alumni Network  
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,

Seri Iskandar Campus, 32610

Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

Tel: +605 3742363

H/P: +6013 8598269

[UiTM Expert](#) | [Google Scholar](#) | [My CV](#)

Selasa, 11 Januari 2022

Komentar

## Kenal pasti kerosakan bangunan akibat banjir sebelum baik pulih



Oleh Dr Irwan Mohammad Ali  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

Negara mengalami detik hitam akibat musibah banjir besar sejak hujung tahun lalu. Selepas banjir beransur surut, kerja pembersihan kawasan dan bangunan terjejas diaktifkan. Ramai mangsa banjir ingin segera kembali ke rumah atau premis perniagaan untuk bangkit semula daripada musibah ini.

Namun, pemilik bangunan terjejas banjir perlu mengambil langkah berhati-hati dan sentiasa menggunakan keselamatan apabila kembali ke bangunan mereka kerana adalah penting untuk memastikan persekitaran pasca banjir dan akses ke dalam bangunan sentiasa selamat.

Sebagai contoh, struktur rumah kayu ditenggelami air banjir besar berkeungkinan menyerap air dengan kuantiti sangat banyak. Kesannya, kerja pembaikan dilaksanakan secara tergesa-gesa boleh mengakibatkan masalah lain seperti pertumbuhan kulat, serangan serangga dan kemerosotan kekuatan struktur kayu.

Berlainan pula struktur bangunan berasaskan konkrit, besi dan dinding batu bata. Antara elemen paling membimbangkan adalah dinding bangunan mungkin kelihatan tidak terjejas dan rosak, namun hakikatnya jika diteiti dinding mempunyai rongga udara sangat berpotensi untuk cepat rosak, mengandungi pertumbuhan kulat, memerangkap bau kurang menyenangkan serta perputai struktur bahan binaan.

Banjir menyebabkan kelemahan dalam jangka panjang juga mampu merosakkan kemasan lantai dan dinding bangunan. Kerja pembaikan hanya boleh dilakukan selepas bangunan benar-benar kering sepenuhnya yang sudah tentu mengambil masa

agak lama.

Sementara itu, perabot rosak sepenuhnya akibat ditenggelami banjir sebaiknya dibuang, tetapi perabot diperbaiki daripada kayu keras, logam dan plastik mungkin masih boleh dibersihkan serta dipulihkan kemudian. Selepas banjir reda, perabot ini boleh dibersihkan, disanitasi dan dikeringkan sepenuhnya di bawah cahaya matahari.

Pernahdiani ditenggelami banjir sebaiknya diganti kerana tercemar oleh banjir dan proses pembersihan sangat rumit. Pernahdiani tercemar dan tidak dikeringkan dengan baik berpotensi menyebabkan pertumbuhan kulat dalam bangunan.

Mengambil kira semua perkara dinyatakan itu, sebarang kerosakan dan kemusuhan berlaku akibat musibah banjir perlu diperiksa dan dinilai secara cermat terlebih dahulu sebelum kerja pembaikan serta pemulihan bangunan dapat dilaksanakan.

Oleh itu, pemeriksaan bangunan secara visual akan dapat membantu pemilik menilai, sama ada



Kerosakan bangunan akibat banjir perlu dinilai secara cermat. (Foto bharian)

berlakunya kerosakan struktur utama bangunan, kerosakan sistem bekalan elektrik daripada punca kuasa, potensi bahaya kebakaran, kebocoran gas dan serangan binatang berbisas.

Kerosakan bangunan akibat banjir bergantung kategori banjir, tempoh banjir, kekuatan tanah terhadap pergerakan air serta hakisan, selain ciri-ciri struktur binaan bangunan di kawasan terjejas.

Pemeriksaan bangunan secara visual juga dapat membantu pemilik bangunan menilai kerosakan sebenar bagi tujuan tuntutan insurans bencana banjir.

Pemilik perlu mengenal pasti segala kerosakan dengan mengambil gambar sebagai inventori dan rujukan dalam proses tuntutan nanti. Pemeriksaan bagi sistem elektrik perlu dilakukan dengan cermat sebelum memasuki premis buat kali pertama dan menyambung semula sistem elektrik.

Bagi memastikan bangunan diduduki selamat dan kukuh, penilaian tahap keselamatan dan integriti struktur bangunan juga boleh dilaksanakan pakar berkaitan. Nasihat pakar berhubung masalah ini boleh dilakukan dengan mendapatkan khidmat juru ukur bangunan berdaftar dengan Pertubuhan Jurukur Diraja Malaysia (RISM) dan Persatuan Jurukur Bangunan Berdaftar Malaysia (MyRBS) untuk menjalankan pemeriksaan bangunan berkemajuan.

Hasil laporan pemeriksaan diterima boleh dijadikan rujukan utama pemilik bangunan dalam merancang kerja baik pulih.

Kesungguhan tidak balas pasca musibah banjir penting dalam memastikan pengurusan bencana yang berkesan. Tindakan proaktif akan memastikan jumlah kerosakan akibat musibah banjir ini dapat dikurangkan.

Semoga musibah banjir melanda akan segera pulih dan rakyat terjejas dapat segera bangkit meneruskan kelangsungan hidup.



# PENGHANTARAN & PENERBITAN ARTIKEL RENCANA

Strategi 'Sejahtera IPT' perkukuh ekosistem pengajian tinggi  
Berita Harian: 26 Januari 2022 (submitted 19 Januari 2022; 7 days)  
Ad Value : RM 17,385  
PR Value : RM 52,155  
<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2022/01/915753/strategi-sejahtera-ipt-perkukuh-ekosistem-pengajian-tinggi>

## Strategi 'Sejahtera IPT' perkukuh ekosistem pengajian tinggi

Oleh Dr Irwan Mohammad Ali - Januari 26, 2022 @ 11:00am  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



### ARTIKEL: HAYATI SEJAHTERA IPT LONJAK SINERGI AKADEMIKA DEPANI SITUASI SEMASA



SR. DR. IRWAN MOHAMMAD ALI <irwan94...> Wed, Jan 19, 3:53 PM  
to bhnews, bhrencana

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Dilampirkan [artikel](#) bertajuk "HAYATI SEJAHTERA IPT LONJAK SINERGI AKADEMIKA DEPANI SITUASI SEMASA" untuk dipertimbangkan bagi tujuan penerbitan dalam ruangan Rencana akhbar Berita Harian.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**Sr Dr. Irwan Mohammad Ali, (MRISM)**

Coordinator  
Industrial, Community & Alumni Network  
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,  
Seri Iskandar Campus, 32610  
Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA  
Teli: +605 3742263  
H/P: +6013 8598269

[UiTM Expert](#) | [Google Scholar](#) | [My CV](#)

Rabu, 26 Januari 2022

## Komentar

# Strategi 'Sejahtera IPT' perkukuh ekosistem pengajian tinggi

Oleh Dr Irwan Mohammad Ali  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



**Amanat** Tahun Belaku 2022 Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad wajar diberikan perhatian oleh warga akademia kerana memperkenalkan beberapa strategi perlu dilaksanakan semua warga pada peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) seperti di universiti awam (UA), universiti swasta, politeknik dan kolej komuniti. Amanat itu menjelaskan Rangka Tindakan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi (Sejahtera IPT) wajar dijadikan misi dan visi utama dalam menghadapi cabaran pandemik dengan tujuh strategi utama untuk meneruskan momentum kecemerlangan warga akademia ke peringkat seterusnya.

Pertama, memberikan penekanan kepada mengukuhkan ekosistem kampus berdasarkan situasi semasa dalam negara. Ekosistem kampus kondusif dan selamat adalah persekitaran di mana warga-nya berasa selesa dari segi fizikal, emosi dan sosial.

Dalam merealisasikan hasrat ini, ketersediaan infrastruktur dan fasiliti kondusif untuk semua warga perlu diberikan perhatian. Selain itu, kosihatan mental warga IPT dalam tempoh kritikal juga tidak boleh dibiarkan.

Tidak dinafikan impak pandemik memberi kesan besar terhadap kebolehpasaran graduan IPT. Justeru, strategi kedua adalah memperkukuhkan kebolehpasaran graduan melalui pelbagai inisiatif sama ada pada peringkat nasional atau universiti.

Kerjasama antara IPT dan industri dalam menambah baik kualiti dan kandungan program ditawarkan mestilah diselarasakan supaya kemahiran diperolehi memenuhi keperluan majikan.

Ketiga, strategi pendigitalan pendidikan tinggi dapat dipacu supaya seiring dasar pendigitalan negara. Pandemik membuka mata ramai pihak bahawa langkah pendigitalan pendidikan mampu dilaksanakan.

Strategi pendigitalan pendidikan tinggi mendorong pelajar ke arah penggunaan peranti terkini untuk mengakses sumber rangkaian dalam talian IPT. Kesannya, mahasiswa kini menggunakan peranti peribadi mereka sendiri atau konsep dinamakan *Bring Your Own Device (BYOD)*, untuk mengakses sumber di IPT.

Situasi semasa juga mencetuskan lonjakan besar terhadap kepentingan penyediaan bahan kursus terbuka dalam talian.

Kesumat, strategi memantapkan jaringan kolaborasi strategik IPT bersama rakan akademia dan industri pada peringkat antarabangsa. Usaha ini langkah tepat dalam menjadikan IPT negara terkenal pada peringkat antarabangsa dalam bidang penyelidikan dan kepakaran.

Kelima, strategi memacu kesejahteraan komuniti dalam melonggok masyarakat setempat melalui pendekatan inovasi sosial. Usaha ini dapat dilaksanakan dengan sinergi berkesan antara masyarakat, industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan termasuk alumni.

Kesemu, strategi memperkasa kecemerlangan institusi melalui sinergi pelbagai pihak dalam mengangkat agenda pemerikasan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada semua peringkat.

Sebagai tambahan, kecemerlangan institusi dapat dinilai melalui pelaksanaan kegiatan keserjanaan dan peningkatan prestasi pada peringkat antarabangsa.

Ketujuh, strategi menyemarakkan semangat #IPTRIBAHATIN dengan menyediakan bantuan dan sokongan bersesuaian dalam tempoh mencabar ketika ini. Ramai warga IPT terjejas oleh pandemik yang kini masih melanda dunia dan ditambah pula musibah banjir.

Sebagai rumusan, faedah utama akan diperolehi daripada strategi Sejahtera IPT ini ialah peningkatan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan IPT sebagai pusat percambahan, pengumpulan dan penyebaran ilmu.

Justeru, setiap warga IPT bertanggungjawab meningkatkan kecemerlangan dan sinergi dalam mempromosikan strategi ini secara meluas.

Hasrat ini bertepatan dasar kerajaan seperti dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK 12) yang memupuk pengukuhkan ekosistem pengajian tinggi, pemerikasan TVET dan pengupayaan pendidikan swasta sebagai satu industri.

Semoga dengan usaha murni ini semua IPT akan benar-benar menjadi milik masyarakat dan akan berkhidmat kepada rakyat.

Setiap warga IPT bertanggungjawab meningkatkan kecemerlangan dan sinergi dalam mempromosikan strategi Sejahtera IPT ini secara meluas. (Foto: ihsan)

PANDUAN MENULIS ARTIKEL DALAM AKHBAR: TIP RINGKAS DAN BERKESAN



# PENGHANTARAN & PENERBITAN ARTIKEL RENCANA

Kemudahan lestari lonjak konsep pelancongan, hospitaliti mesra Muslim  
Berita Harian: 15 Februari 2022 (submitted 5 Februari 2022; 10 days)  
Ad Value : RM 28,013  
PR Value : RM 84,039  
<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/02/922756/kemudahan-lestari-lonjak-konsep-pelancongan-hospitaliti-mesra>

## ARTIKEL: KEMUDAHAN LESTARI LONJAK POTENSI PELANCONGAN DAN HOSPITALITI MESRA MUSLIM



**SR. DR. IRWAN MOHAMMAD ALI** <irwan94...> Sat, Feb 5, 12:49 AM

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Dilampirkan **artikel** bertajuk "KEMUDAHAN LESTARI LONJAK POTENSI PELANCONGAN DAN HOSPITALITI MESRA MUSLIM" untuk dipertimbangkan bagi tujuan penerbitan dalam ruangan Rencana akhbar Berita Harian.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**Sr Dr. Irwan Mohammad Ali, (MRISM)**


Coordinator  
Industrial, Community & Alumni Network  
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,  
Seri Iskandar Campus, 32610  
Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA  
Tel: +605 3742363  
H/P: +6013 8598269

[UiTM Expert](#) | [Google Scholar](#) | [My CV](#)

The screenshot shows a newspaper article from 'Rencana' dated 15 Februari 2022. The title is 'Kemudahan lestari lonjak konsep pelancongan, hospitaliti mesra Muslim'. The author is Sr. Dr. Irwan Mohammad Ali. The article discusses the potential of sustainable tourism and friendly Muslim hospitality in Malaysia, highlighting the role of the Islamic Tourism Centre (ITC) and the Ministry of Tourism, Culture and Heritage. It mentions the need for infrastructure, services, and facilities that cater to the needs of Muslim tourists, such as halal food, prayer facilities, and safe environments. The article also emphasizes the importance of community involvement and the role of the private sector in developing sustainable tourism. The article is accompanied by a photograph of a large crowd of people at a public event, likely a halal festival or a similar gathering.

## Kemudahan lestari lonjak konsep pelancongan, hospitaliti mesra Muslim

Oleh Dr Irwan Mohammad Ali - Februari 15, 2022 @ 11:15am  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



Perlu diingat, kemudahan ini akan meningkatkan perkhidmatan, kebolehcapaian, kos perkhidmatan dan kesesuaian pengguna. Kemudahan pengangkutan dalam pelancongan dan hospitaliti mesra Muslim harus menyediakan telus dan beretika membuat perancangan. Sebagai contoh, menyediakan perkhidmatan yang telus dan beretika membuat perancangan. Sebagai contoh, menyediakan perkhidmatan yang telus dan beretika membuat perancangan. Sebagai contoh, menyediakan perkhidmatan yang telus dan beretika membuat perancangan.

# PENUTUP

**Rasulullah s.a.w. bersabda,**

**‘Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari ilmu yang tidak bermanfaat, dari hati yang tidak khusyu’, dari nafsu yang tidak puas, dan dari do’a yang tidak didengar”.**

*- (Hadis Riwayat Muslim , At-Tirmidzi dan An Nasai dari hadis Zaid bin Arqam)*





PANDUAN MENULIS ARTIKEL DALAM AKHBAR: TIP RINGKAS  
DAN BERKESAN

# Thank you!

mySlides



**Irwan Mohammad Ali**



[irwan9471@uitm.edu.my](mailto:irwan9471@uitm.edu.my)

[irwanmohdali@gmail.com](mailto:irwanmohdali@gmail.com)

